

Tahun 2011 Menyaksikan Penduduk Sarawak Mengundi Pada Pilihan Raya Negeri Bernama

30 Disember , 2011

Oleh Caroline Jackson

KUCHING, 30 Dis (Bernama) -- Tahun Arnab menyaksikan penduduk Sarawak keluar mengundi pada pilihan raya negeri 16 April, yang terbesar dalam sejarah negeri.

Mengikut statistik, sejumlah 979,796 pengundi berdaftar, 1,749 pusat mengundi dan 213 calon bertanding bagi 71 kerusi negeri.

Walaupun Barisan Nasional (BN) menang 55 kerusi pada pilihan raya negeri itu, kurang tujuh kerusi daripada yang dipertandingkan pada 2006, ia menghancurkan harapan pembangkang, yang bersungguh-sungguh untuk menafikan majoriti dua pertiga BN dan malahan berhasrat untuk membentuk kerajaan baru.

Tidak dapat dinafikan tulang belakang BN, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang diketuai Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengulangi kemenangan bersih bagi kesemua 35 kerusi yang dipertandingkan, campuran empat parti mengalami kekalahan teruk apabila Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) sekali lagi mendapat tentangan hebat, pencapaian terburuk dalam sejarahnya selama 51 tahun.

Presiden SUPP pada ketika itu Tan Sri Dr George Chan berkata parti yang dianggotai kaum Cina itu bekerja keras dengan harapan untuk mengekalkan kerusinya daripada 2006 tetapi tewas, kalah 13 kerusi daripada 19 yang dipertandingkan, yang merupakan kekalahan paling teruk kepada BN.

"Jika pilihan raya Mei 2006 dianggap sebagai bencana yang masih lagi dalam ingatan kita buat selama-lamanya, keputusan 16 April 2011, boleh ibaratkan seperti mimpi yang menggerunkan bagi SUPP," kata Dr Chan yang gagal mempertahankan kerusi Piasau di Miri, di mana beliau berkhidmat sejak 1983, menentang seorang muka baru daripada DAP, dalam buku beliau yang dilancarkan baru-baru ini, "What Now?".

Tetapi sokongan yang dijangkakan daripada pengundi Bumiputera di kawasan luar bandar, Parti Rakyat Sarawak (PRS) menawan lapan daripada sembilan kerusi untuk muncul sebagai parti kedua paling kuat bagi BN negeri.

Presiden PRS Tan Sri Dr James Jemut Masing berkata imej kestabilan dan perpaduannya kini kepada bakal pemimpin parti untuk kekal bersama apabila parti-parti politik di kelilingnya berpecah - keadaan yang amat jauh berbeza daripada awal penubuhannya pada 2004 berikutan kemelut kepimpinan yang membawa kepada Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dibatalkan pendaftarannya.

Sebaliknya Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) yang menang enam daripada lapan kerusi yang dipertandingkan, yang sedang menghadapi krisis dalaman dengan presiden parti Tan Sri William Mawan dilaporkan sebagai berkata "puak" lima telah mewujudkan ketegangan dan kecemasan di kalangan anggota parti dan malah boleh menggugat

kewujudannya menerusi serangan berkekalan terhadapnya dalam akhbar.

Seterusnya pada 25 Nov, majlis tertinggi SPDP menyingkirkan bekas setiausaha agung Datuk Sylvester Entri Muran daripada parti itu sementara empat yang lain - naib presiden kanan dan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tasik Biru Datuk Peter Nansion, naib presiden dan Anggota Parlimen Mas Gading Datuk Dr Tiki Lafe, ketua penerangan dan ADUN Batu Danau, Paulus Palu Gumbang dan seorang lagi anggota majlis tertinggi ADUN Bekenu Rosey Yunus - dilucutkan jawatannya disebabkan ketidakpatuhan.

Spekulasi mengenai percubaan menubuhkan sebuah parti politik atau menyertai sebuah parti komponen BN, puak lima bertindak balas bahawa mereka telah hilang kepercayaan terhadap Mawan, yang mengatakan beliau akan membantah sebarang percubaan seperti itu untuk menyertai semula BN.

Menghangatkan isu-isu seperti Tanah Hak Adat (NCR), pajakan tanah, pendidikan Cina dan malahan dakwaan SUPP adalah "orang suruhan" kepada PBB, DAP menang di semua 12 kerusi majoriti Cina sementara Parti Keadilan Rakyat (PKR), tiga, termasuk kerusi Orang Ulu, Ba'Kelalan oleh ketua PKR Sarawak dan peguam NCR, Baru Bian.

Pada hakikatnya, George Lagong, yang dipecat PKR kerana bertanding sendiri, merupakan pemenang tunggal di kalangan 41 calon Bebas di Pelagus.

Bagaimanapun dengan pilihan raya umum ke-13 menjelang tiba, setiausaha agung BN Sarawak Datuk Dr Stephen Rundi yakin bahawa senario politik kini bagi SUPP dan SPDP tidak akan menjejaskan kekuatan parti campuran itu.

Dr Rundi, yang juga setiausaha agung PBB berkata jentera pilihan raya semua parti komponen negeri masih tidak tergunagat, segar daripada pilihan raya negeri.

"Seperti yang anda boleh lihat, Umno adalah tulang belakang BN dan PBB merupakan tulang belakang BN Sarawak, dan kita (PBB) dalam kedudukan untuk membantu sebenarnya kepada sesetengah parti komponen yang lebih kecil untuk membolehkan mereka bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum ke-13 akan datang," katanya memberitahu Bernama.

Sementara itu Presiden SUPP Datuk Seri Peter Chin, yang dipilih di tengah-tengah kontroversi pada awal bulan ini, berkata tugas segera beliau adalah untuk menyatupadukan partinya yang bergolak, memperbaiki imejnya yang tercemar dan memenangi semula masyarakat Cina.

Pemilihan parti secara langsung SUPP yang julung kali diadakan, yang menyaksikan anggota Parlimen Serian untuk lima penggal Datuk Richard Riot melakar sejarah kerana menjadi Bumiputera pertama memegang jawatan timbalan presiden, juga dijangka menarik kembali anggota daripada kaum Dayak ke dalam parti itu.

"Pertama kita mesti kembali kepada anggota kita dan menjadikan mereka merasai bahawa mereka adalah sebahagian daripada keluarga SUPP," kata Chin, yang juga anggota Parlimen Miri.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637187>